ANGGOTA penguat kuasa memotong kunci pintu di penempatan haram.

KEDAI runcit yang menjual barangan keperluan penghuni.

ANTARA warga asing yang ditahan dalam operasi di Sentul terdiri daripada etnik Rohingya.

SEMUANYA LENGKAP!

JIM tahan 124 warga asing di perkampungan haram dibina atas tanah kerajaan

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Menjadikan tanah milik kerajaan sebagai kawasan perkampungan haram yang dihuni warga asing dengan sebahagian besarnya adalah etnik Rohingya.

Malah, penempatan yang terletak di Sentul di sini, juga dilengkapi bekalan elektrik dan air selain mereka turut bercucuk tanam dan memelihara ternakan.

Bagaimanapun, penempatan haram itu diserbu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam operasi bersepadu bermula jam 12 tengah malam, semalam.

Dalam operasi itu, terdapat segelintir warga asing cuba melarikan diri dengan memanjat bumbung rumah dan bersembunyi di sebalik timbunan besi, namun berjaya ditahan penguat kuasa.

Ketua Pengarah JIM Datuk Ruslin Jusoh berkata, seramai 124 warga asing terdiri daripada warga Myanmar, Indonesia dan India ditahan dalam pemeriksaan terbabit.

> **“Warga asing dakwa menyewa rumah dengan kadar RM400 sebulan**
> *Ruslin*

Katanya, penempatan haram itu dihuni warga asing dipercayai etnik Rohingya yang sebahagiannya sudah berkeluarga.

“Pemeriksaan mendapati, terdapat lebih 20 rumah dan lima kedai runcit dibina yang menjual barangan keperluan penghuni seperti sireh kapur serta minyak masak peket bersubsidi.

“Hasil soal siasat awal, warga asing terbabit mendakwa menyewa rumah ini daripada warga tempatan dengan kadar RM400 sebulan. Malah, ada mendakwa sudah tinggal di sini sejak tiga hingga empat tahun lalu.

“Semakan mendapati kawasan berhampiran sebelum ini adalah kawasan setinggan yang didiami penduduk tempatan, tapi kini berlaku pencerobohan dan disewakan kepada warga asing,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyertai operasi berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JIM Jafri Embok Taha.

Serbuan dilakukan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Mengulas lanjut, Roslin berkata, semakan mendapati kawasan penempatan haram itu dibina atas tanah milik DBKL dan pihaknya akan bekerjasama mengesan warga tempatan yang disyaki membina penempatan berkenaan serta menyewakan kepada warga asing.

Menurutnya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 6(1)(c) dan Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

RUSLIN (dua dari kiri) memeriksa dokumen milik warga asing.

PEGAWAI imigresen menyoal siasat warga asing yang ditahan.